

D330

U B973 BAH

MAHATHIR-PARTI

KUALA LUMPUR, 18 JULAI (BERNAMA) -- PARTI HIZBUL MUSLIMIN (HAMIM) JELAH DITERIMA PADA DASARNYA MENJADI ANGGOTA TERBARU BARISAN NASIONAL, Pengerusi BN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkannya hari ini.

Katanya penerimaan secara prinsip itu diputuskan pada Mesyuarat Dewan Tertinggi BN yang diadakan di Ibu Pejabat UMNO di sini.

Ketika ditanya oleh pemberita apa yang dimaksudkan dengan 'diterima pada prinsip', beliau berkata ada beberapa perkara yang perlu dirundingkan dan diselesaikan antara BN dengan Hamim.

Katanya Hamim akan bertanding atas nama BN pada Pilihan Raya akan datang dan pembahagian kerusi kepada parti itu masih dirundingkan.

BN kini mempunyai 13 parti komponen, tidak termasuk Hamim.

Pada Mesyuarat Dewan Tertingginya yang lepas, BN telah menerima kemasukan Parti Bersatu Sabah (PBS) dan menerima semula USNO, kedua-duanya dari Sabah, ke dalam gabungan. -- LAGI.  
2041MST 18 07 86

B974 BAH

MAHATHIR-PARTI 2 KUALA LUMPUR

Datuk Seri Dr Mahathir juga menegaskan parti Berjaya masih kekal anggota BN walaupun ada laporan parti itu mengugut hendak keluar jika ia gagal mendapat bilangan kerusi yang dikehendaki.

Beliau berkata semua parti komponen akan menggunakan simbol dacing pada Pilihan Raya akan datang.

Ketika ditanya mengenai Barisan Pembangkang, Datuk Seri Dr Mahathir berpendapat ia menjadi kubur bagi Parti PAS. -- BERNAMA  
2042MST 18 07 86